

Amalan kuno cabaran sistem pendidikan di pedalaman

Strategi khusus perlu dirangka pastikan anak Orang Asli, peribumi Sabah dan Sarawak tak tercicir daripada pembangunan

Oleh Nor Affizar Ibrahim

TIDAK dapat dinafikan, pendidikan amat penting dan perlu dikecapi semua kerana ia bukan pembelajaran semata-mata tetapi lebih daripada segala perkara dalam kehidupan setiap individu. Pendidikan juga dilihat sebagai masa depan dan hak setiap kanak-kanak yang dilahirkan di dunia, termasuk perempuan atau lelaki, miskin mahupun kaya dan yang tinggal di bandar serta di ceruk pedalaman.

Justeru, dalam agenda penting kerajaan untuk membangunkan satu sistem pendidikan bertaraf dunia, isu pendidikan kanak-kanak terpinggir khususnya yang tinggal jauh di pedalaman sewajarnya diberikan perhatian serius dan memerlukan strategi khusus bagi menangani masalah itu.

Dalam setiap kajian dan penilaian dibuat beberapa aspek perlu dilihat serta difahami ia termasuk mengenai budaya, ekonomi dan sosial mereka. Penggembengan usaha dan peranan semua pihak amat diperlukan kerana kesan kanak-kanak yang terpinggir daripada pendidikan memberikan beberapa impak seperti merencatkan aspirasi pendidikan negara dan menjadikan masyarakat terbabit terus berada dalam kancang kemiskinan.



PERLU BIMBINGAN: Murid Orang Asli wajar didedahkan kepentingan menuntut ilmu.

Walaupun mencari pendekatan berkesan bukanlah sesuatu yang mudah dan boleh memastikan semua masalah dapat dirungkai, sekurang-kurangnya peluang pendidikan mesti terus diberikan kepada kanak-kanak terpinggir.

la berikutan, biarpun sudah lima dekad merdeka, realitinya masih ada tahap keciciran tinggi yang berlaku di negara ini khususnya di kalangan peribumi Sabah dan Sarawak serta masyarakat Orang Asli di Semenanjung yang tinggal di kawasan tertentu.

Pandangan dan saranan itulah antara yang dikemukakan ahli panel pada majlis Wacana Kepelbagaian Pelajar: Memperkasakan Keperluan Kanak-Kanak Terpinggir, anjuran Pusat Pendidikan Kepelbagaian Pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di Bangi, baru-baru ini.

Ahli panel pertama, Pengarah Muzium Warisan Pendidikan, Prof Datuk Dr Hood Salleh, berkata berdasarkan pengalaman dalam membuat kajian masyarakat terpinggir di kalangan Orang Asli di Semenanjung, didapati sememangnya ibu bapa hendakkan anak pergi ke sekolah.

Bagaimanapun, beliau berkata, rasionalnya adalah sukar untuk anak

Orang Asli pergi ke sekolah setiap hari. Faktor pertama adalah konsep masa mereka yang amat terikat dengan alam sekitar atau ekologi.

"Cara hidup yang bergantung dengan mencari rezeki dalam hutan, banyak bergantung dengan cuaca dan keadaan hutan itu sendiri. Jika anak terpaksa pergi ke sekolah pada waktu pagi, bagaimana hendak mencari rezeki sedangkan itulah antara masa paling sesuai kerana jika lambat keluar, keadaan di hutan akan gelap dan ia tentu menyukarkan.

"Sesetengah kawasan didiami masyarakat Orang Asli pula tidak ada sekolah yang berdekatan dengan persekitaran tempat mereka mencari sumber rezeki. Begitu juga dengan faktor hal mistik ada tanggapan ada 'penceroboh' oleh orang luar di kawasan mereka," kata Hood.

Beliau yang membicarakan tajuk, *Pengkajian Mengenai Kanak-kanak Masyarakat Terpinggir: Beberapa Tuntutan Metodologi* berkata, pengkajian mengenai isu itu sewajarnya dibuat bersandarkan tuntutan kemanusiaan dan ketamadunan. Realitinya, ada isu yang praktikal dan perlu dilihat secara keseluruhan sebelum membuat sebarang tafsiran dan justifikasi.

Kepercayaan antara satu sama lain adalah penting di samping, perlu ada banyak tolak ansur.

Sementara, pensyarah Fakulti Pendidikan, UKM, Prof Madya Dr Zuria Mahmud, yang membentangkan kertas kerja bertajuk, *Cara Gaya Hidup & Apirasi Remaja Terpinggir di Pedalaman*, mendefinisikan remaja terpinggir dalam kajian dibuat ialah mereka yang mempunyai kurang perkara asas, merangkumi pendidikan, pakaian, makan minum dan kesihatan bagi menggalakkan perkembangan pesat sebagai insan.

Keadaan itu berpotensi wujud di kawasan pedalaman yang jauh daripada perhubungan infrastruktur dan kehidupan aliran perdana seperti di pinggir hutan, gunung serta kampung.

Zuria yang membuat kajian terhadap peribumi di Sabah dan Sarawak, berkata keciciran di negeri itu boleh dibahagikan kepada dua iaitu faktor kemiskinan dan budaya atau cara pemikiran.

Katanya, kajian yang membabitkan lima kampung dalam setiap kawasan itu mendapati, kebanyakan keluarga tiada kemudahan elektrik dan di Sabah, 30 peratus memakai kuasa generator untuk mendapatkan bekalan

tenaga. Keadaan itu adalah sesuatu yang biasa di kawasan pedalaman, malah kuasa generator juga digunakan di kebanyakan sekolah.

Pendapatan sekeluarga yang diperoleh pula rata-rata ialah kurang RM300 sebulan. Tetapi ada juga yang berpendapatan RM1,000 sebulan khususnya yang bekerja sebagai pemandu lori dan sebagainya. Dengan pendapatan sebanyak itu, katanya, bagaimanakah mereka dapat memberikan pendidikan terbaik.

"Bagi masyarakat Bajau pula, amalan budaya atau cara pemikiran - "makan ndak makan asal kurung-kurung" (makan atau tidak makan tidak mengapa asalkan bersama) secara tidak langsung boleh menyebabkan pendidikan di kalangan anak boleh tercicir. Pegangan falsafah itu membataskan mobiliti generasi muda untuk berkembang," katanya.

Beliau berkata, jarak sekolah yang jauh dengan rumah turut memberikan masalah kepada ibu bapa untuk menghantar anak ke sekolah. Bagi masyarakat Penan di Sarawak misalnya, seorang guru memberitahu, adalah perkara lazim bagi ibu bapa mendaftarkan anak ke sekolah ketika mencapai usia tujuh tahun. Tetapi mereka hanya mula datang

ke sekolah ketika berusia sembilan hingga sepuluh tahun. Jarak yang jauh menyebabkan ibu bapa risau untuk melepaskan anak yang masih kecil ke sekolah.

Zuria berkata, sekolah yang jauh dan terpaksa berdepan dengan cabaran seperti menaiki bot dan merentasi lautan luas atau ombak kuat juga menyebabkan kanak-kanak terpinggir tidak pergi ke sekolah apabila motivasi merosot serta hilang minat untuk belajar.

Beliau juga menyentuh mengenai sistem pendidikan sedia ada yang didapati tidak boleh diterima oleh murid terpinggir peribumi Sabah dan Sarawak. Bagi mereka, ia tidak memberi manfaat kerana tinggal jauh daripada arus pembangunan.

"Sistem pendidikan yang memihak kepada rakan mereka di bandar menimbulkan rasa bosan dan kurang minat kerana tidak dapat diguna pakai dalam kehidupan seharian. Ia adalah antara hasil kajian yang menyebabkan masyarakat di pedalaman tidak berminat meneruskan pengajian masing-masing. Hasil kajian juga mendapati hanya satu peratus daripada mereka meneruskan pengajian ke peringkat tertinggi," katanya.